

## **PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR**

### **1.0 NAMA**

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Bola Tampar Lelaki & Wanita Sukan Staf UTeM.

### **2.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut **Undang-Undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB)** dan terjemahan **Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA)** yang berkuatkuasa pada ketika ini.

### **4.0 KELAYAKAN PEMAIN**

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

### **5.0 FORMAT PERTANDINGAN**

5.1 Berpasukan Lelaki - (Volleython – 31 mata)

5.2 Berpasukan Wanita - (Volleython – 31 mata)

\* Pertukaraan Gelanggang pada kiraan mata 16.

### **6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN**

6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.

6.2 **Setiap pasukan boleh mendaftar 12 pemain dan 2 pegawai (rujuk peraturan Am).**

### **7.0 SISTEM PERTANDINGAN**


7.1 Semua acara akan dijalankan secara **sistem kalah mati (Knock out)**.

7.2 Setiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 6 pemain sebelum sesuatu perlawanan dimulakan. Jika kurang dari jumlah ini dan selepas 15 minit dari masa yang telah dijadualkan, pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

7.3 Pemain gantian adalah terdiri dari 12 pemain yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran sahaja.

## 8.0 SISTEM CARTA & UNDIAN PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Sistem Pusingan Kalah Mati.



## 9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 **Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain.** Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.

## 10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut seperti yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang.
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

## 11.0 MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pasukan/pemain yang menarik diri dari perlawanan akan diberikan 3 mata kemenangan kepada pihak lawan dan semua keputusan sebelum penarikan tidak akan dikira (bergantung kepada keadaan)
- 13.3 Pihak Penganjur dan pengerusi permainan berhak membuat keputusan sekiranya ada perkara yang tidak dinyatakan dan keputusan adalah muktamad.

## 12.0 HADIAH & PEMENANG

Rujuk perkara 14.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 14.0 RINGKASAN PINGAT

| KATEGORI (BERPASUKAN) | EMAS      | PERAK     | GANGSA    |
|-----------------------|-----------|-----------|-----------|
| Pegawai               | 4         | 4         | 4         |
| Berpasukan Lelaki     | 12        | 12        | 12        |
| Berpasukan Wanita     | 12        | 12        | 12        |
| <b>JUMLAH</b>         | <b>28</b> | <b>28</b> | <b>28</b> |

